

## Timbalan Presiden: Mahathir tetap berkecuali

U.M. 24 AUG 1993

KUALA LUMPUR 23 Ogos  
— Perdana Menteri, Dato'  
Sri Dr. Mahathir Mohamad  
menegaskan tetap berke-  
cuali jika berlaku pertandi-  
ngan antara Dato' Sri  
Anwar Ibrahim dan Encik  
Ghafar Baba bagi merebut  
jawatan Timbalan Presi-  
den UMNO pada perhim-  
punan agung parti itu.

Beliau berkata: "Saya ti-  
dak payah merestui sesia-  
pa. Saya *neutral*."

Menurut Dr. Mahathir,  
beliau telah menyatakan  
pandangannya tidak lama  
dahulu supaya tidak ada  
pertandingan bagi jawatan  
Timbalan Presiden tetapi  
oleh kerana sekarang su-  
dah ada pertandingan, be-  
liau terpaksa mengambil  
sikap berkecuali.

"Tugas saya sekarang  
kalau pertandingan sudah  
tidak dapat dielakkan, se-  
lepas pertandingan nanti  
saya kena merapatkan ba-  
lik (perpaduan) ahli-ahli  
UMNO termasuk yang ka-  
lah dan menang," katanya  
kepada para pemberita se-  
lepas merasmikan Taman  
Wawasan Public Bank di  
sini lewat petang ini.

Beliau berkata: "Saya  
tak komen apa. Itu dia  
punya keputusan."

Bagaimanapun, Perdana  
Menteri mengakui Anwar  
ada menemui beliau terle-  
bih dahulu menyatakan  
hasratnya.

"Dia (Anwar) bagi tahu  
saya. Saya tak kata apalah.  
Saya dah kata dah dulu,  
kalau boleh tak ada pertan-  
dingan tetapi kalau dah  
ada pertandingan, adalah,"  
katanya.

Sementara itu, Naib Pre-  
siden UMNO, Dato' Abdul-  
lah Ahmad Badawi mem-  
beritahu *Utusan* beliau  
akan mengulas keputusan  
Anwar itu apabila tiba  
masa yang sesuai.